

**102956**

**Sastri Yunizarti Bakry & Media Sandra Kasih (editor). Menelusuri  
jejak Melayu-Minangkabau. Padang: Yayasan Citra Budaya  
Indonesia, 2002**

# HUBUNGAN MELAYU-MINANGKABAU DARI SUDUT SEJARAH, BAHASA, SASTERA, BUDAYA, DAN MASYARAKAT

Amat Juhari Moain

## Pendahuluan

**M**akalah ini akan cuba menelusuri secara sepintas lalu hubungan antara Melayu dengan Minangkabau dari sudut sejarah, bahasa, sastera, budaya, dan masyarakat. Antara tajuk-tajuk kecil pembahasan yang akan diberikan ialah Sejarah Kerajaan Melayu kuno, Adityawarman dan Kerajaan Pagaruyung, Kepemimpinan Daerah dan Adat Alam Minangkabau, Perpindahan Orang Minangkabau ke Semenanjung Tanah Melayu, Kedatangan Raja-Raja Negeri Sembilan, Hubungan Bahasa Melayu dengan Bahasa Minangkabau, Pengaruh Pembaharuan Fahaman Keagamaan, Pengaruh Hasil Kesusasteraan dan Bahasa, Pengaruh Pendidikan Agama, dan Hubungan Minangkabau – Malaysia Masa Kini.

## Sejarah Melayu Kuno.

Mengikut laporan daripada penulis istana Maharaja China, Kerajaan Melayu telah menghantar utusan ke Negeri China pada tahun 644/ 5 M (Fachruddin Saudagar, 1992: 3). Dengan maklumat ini jelas membuktikan bahawa Kerajaan Melayu telah wujud sebelum pertengahan abad ke-7 M. Kerajaan Melayu ini disebut oleh penulis-penulis China sebagai "Moloyeu". Dalam Memoire I Tsing, seorang sami Buddha China, menyebutkan bahawa ketika beliau dalam perjalanan ke India untuk mendalami ajaran agama Buddha, beliau telah singgah selama enam bulan di Sriwijaya dan sempat melawat ke Melayu pada tahun 671 M yang pada masa itu merupakan sebuah kerajaan yang bebas dan merdeka (Ibid, 1992:3). Namun dalam perjalanan beliau balik ke Negeri China pada tahun 685 M (Ibid), beliau mendapati bahawa Melayu telah ditakluki kerajaan Sriwijaya. Selain itu dalam rekod orang-orang China tidak ada lagi utusan dari Melayu yang datang ke Negeri China pada tahun-tahun selepas itu.

Selepas beberapa lama kemudian Kerajaan Malayu nampaknya muncul kembali menghantar semula utusan ke Negeri China pada tahun 853 M dan 871 M, tetapi dengan nama baru, iaitu Chanpei (Jambi).

Pada tahun Syaka 1197 (bersamaan 1275 M) Raja Sri Kertanagara Wikramottunggadewa dari Kerajaan Singasari yang berpusat di Jawa Timur telah menyerang Malayu. Ini disebut dalam sebuah prasasti dengan kata-kata "pamalayu" (Fachruddin Saudagar, 1992:4) atau ekspedisi malayu. Tindakan yang dilakukan oleh Raja Sri Kertanagara adalah untuk membendung kemarahan pengaruh angkatan perang orang-orang Mongol yang datang menyerang dari utara dan mereka telah pun menguasai Negeri China. Selain itu terdapat angkatan perang mereka telah sampai ke beberapa buah negara di Asia Tenggara. Apabila tindakan menyekat kemarahan orang-orang Mongol ini berjaya dilakukan oleh Raja Sri Kertanagara, baginda telah menghantar sebuah hadiah yang sangat berharga untuk membujuk hati kepada Raja Malayu, iaitu Wishnuwarupakumara yang berupa patung yang besar, setinggi 4.5 meter, yang dikenali sebagai Amonghapasa Lokeswara, dengan 14 pengikut dan tujuh biji ratna permata (Fachruddin Saudagara, 1992: 4). Ini dilakukan pada tahun 1286 M dan ditempatkan di Bhumi Malayu, iaitu di padang Roco, di Batanghari hulu (M.M. Sukarto K. Atmojo, 1992: 2).

Selepas zaman Raja Malayu di atas, timbul pula seorang Raja Malayu yang lain yang bernama Srimat Tribhuanaraja Mauliwarmadewa (op. cit. Fachruddin Saudagar). Akhir sekali ialah munculnya Raja Adityawarman, yang mendirikan kerajaan Minangkabau di Sumatera Barat, dengan membina lebih dari 30 prasasti yang salah satunya bertarikh pada 1347 M (Tarling, 1999).

### **Raja Adityawarman dan Kerajaan Pagaruyung**

Adityawarman (1305 – 1379 M) telah dilahirkan di Siguntur dalam daerah Dharmasraya di ranah Minangkabau, Sumatera Barat. Mengikut riwayat ibunya bernama Dara Jingga, anak Raja Malayu, iaitu Raja Dharmasraya (ESKM, Jil.I). Tentang bapa kandungnya terdapat perdebatan di kalangan sejarawan. Namun ada pendapat yang menyatakan bahwa bapa kandung Adityawarman ialah Wishwarupakumara, adik kandung kepada Raja Sri Kertanagara yang memerintah kerajaan Singasari. Kemudian nama kerajaan itu bertukar dan menjadi lebih terkenal dengan nama Majapahit, iaitu setelah Raden Wijaya, anak Raja Singasari, dapat mengalahkan kerajaan Kediri pada tahun 1294 M (Miksic, 1999: 112).

Adityawarman kemudian pergi ke Majapahit tempat asal bapanya dan tinggal di sana beberapa lama, bahkan baginda pernah pergi ke Negeri China beberapa kali sebagai wakil kerajaan Majapahit. Sebenarnya kepergian Adityawarman ke Majapahit adalah atas nasihat daripada ibu saudaranya, iaitu Puteri Dara Petak, dan nasib baginda amat baik kerana setelah berada di sana beberapa lama baginda telah diangkat menjadi werdamantri dengan gelaran Arya Dewaraja Pu Aditya (ESKM, Jil. 1). Namun apabila Patih aria Gadjah Mada semakin kuat pengaruhnya di Jawa Timur, iaitu di Kerajaan Majapahit, Adityawarman pun pulang ke Minangkabau dan menaiki takhta kerajaan Pagaruyung pada kira-kira 1337 M. Dari tarikh itulah banyak dipahat prasasti-prasasti yang menceritakan tentang diri baginda dan agama yang dianuti baginda dalam bahasa Sanskrit dan Melayu kuno dengan tulisan Pallava. Mengikut sebagian sejarawan, kepulangan Adityawarman kurang mendapat sambutan daripada dua orang pembesar Minangkabau ketika itu, iaitu Datuk Tumenggung dan Datu Perpatih. Oleh sebab itu Adityawarman telah mendirikan kerajaan di Pagaruyung (ESKM, Jil. 1).

Raja Adityawarman telah mangkat pada kira-kira 1379 M (Tarlind, 1999:321). Baginda telah digantikan oleh anakandanya yang bernama Ananggawaraman. Selepas itu digantikan oleh raja-raja lain seperti Tuanku Rajo Lembang, Rajo Nan Sati, dan lain-lain. Setelah kedatangan agama Islam, raja-raja Minangkabau memeluk agama Islam. Sehingga sekarang orang-orang dari suku Minangkabau adalah sangat terkenal sebagai pemeluk-pemeluk agama Islam yang teguh. Jika menurut M. Sudarso Salih (1985) raja-raja yang memerintah Pagaruyung antara lain, selain yang telah disebutkan di atas, ialah:

1. Rajo Duo Selo dengan Basa Ampek Balai.
2. Rajo Rantau, iaitu Yang Dipertuan Raja Bakilap Alam (mulai 1420 M).
3. Rajo Pasambahan (mulai 1445 M).
4. Yang Dipertuan Raja Barandangan (mulai 1460 M).
5. Yang Dipertuan Sultan Alief Khalifatullah (mulai 1485 M).
6. Yang Dipertuan Raja Bagewang II (mulai 1555 M).
7. Sultan Abdul Jalil bergelar Yang Dipertuan Patah Raja Alam Muningsyah I (mulai 1580 M).
8. Yang Dipertuan Raja Basusu Ampek bergelar Raja Alam Muningsyah II (mulai 1615 M)
9. Dan lain-lain lagi.

Daripada senarai di atas kita dapat petunjuk bahwa dari zaman Yang Dipertuan Sultan Alief Khalifatullah memerintah di Pagaruyung pengaruh Islam mulai bertapak kuat. Dari situlah mulanya meresap ajaran Islam ke dalam Adat Perpatih. Selepas Perang Paderi pengaruh Islam semakin bertambah kuat dan teguh.

### **Kepemimpinan, Daerah, dan Adat Alam Minangkabau**

Dalam adat Minangkabau kepemimpinan dipegang oleh Penghulu, iaitu orang yang dipilih oleh kaumnya lelaki dan perempuan yang telah akil baligh dan mempunyai budi pekerti yang sangat mulia, yang bersopan santun, peramah dan merendah diri atau tawaduk. Penghulu ini dibangsan atas tiga jenis, iaitu:

- a. Dibangsan kepada Syara'.
- b. Dibangsan kepada Hindu Sansekerta
- c. Dibangsan kepada Adat Alam Minangkabau.

(H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu, 1984: 61)

Penghulu-penghulu ini memimpin rakyat atau anak buahnya di daerah yang agak luas dan yang sekarang ini dikenal dengan Propinsi Sumatera Barat, Propinsi Riau Daratan dan sebahagian Propinsi Jambi. Pada masa dahulu hanya merangkumi tiga luhak sahaja, iaitu Luhak Tanah Datar, Luhak Agam, atau dikenali juga dengan Luhak Nan Tengah, dan Luhak Lima Puluh atau Luhak nan Bungsu (ibid.).

Dari segi adat terdapat dua laras, iaitu: Laras Bodi Caniago dan Laras Koto Piliang (ibid.). Laras Bodi Caniago diketuai oleh Datuk Parpatih nan Sabatang, sedangkan Laras Koto Piliang diketuai oleh Datuk Katumanggungan, atau biasa disebut Datuk Temenggung. Masing-masing ketua tadi menyusun peraturan bagi kehidupan untuk rakyat dan anak buahnya. Bagi Datuk Parpatih nan Sabatang, sistem peraturannya berdasarkan sistem mufakat menurut alur dan patut yang lebih bersifat demokratis, kerana segala keputusan adalah berdasarkan mesyuarat atau musyawarah di kalangan ketua-ketua adat yang dipilih secara demokratis. Laras Koto Piliang yang dipilih oleh Datuk Katumanggungan memilih cara lain, iaitu ketua itu akan menjalankan pemerintahan mengikut keahliannya atau kepakarannya dalam bidang administrasi sebagaimana yang berlaku pada zaman kini. Contohnya kalau di Malaysia seperti pemerintahan PM Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menjalankan pemerintahan secara eksekutif-birokratif, dan sememangnya

Malaysia adalah penganut sistem Adat Temenggung kecuali di Negeri Sembilan dan daerah Nanning, Melaka.

Dalam adat Minangkabau segala segi adat tegasnya setiap satu-satu unsur adat dirincikan sifat-sifatnya, ciri-cirinya, tugas-tugasnya, bidang-bidang kuasanya dan lain-lain. Contohnya tentang penghulu yang dilantik ditentukan sifat-sifat dan ciri-ciri bagi seseorang penghulu yang dipilih itu, apakah tindakan yang perlu beliau ambil atau jalankan, apakah martabat yang perlu ada padanya, pantang larang bagi seseorang penghulu, kesalahan-kesalahan besar yang tidak patut dibuat oleh penghulu, alur-alur adat yang hendak dipakai, sama ada alur adat atau alur pusaka, jalan hidup di dunia dan di akhirat, memelihara anak buah, anak kemenakan, memelihara harta pusaka, cara berpakaian dan barang-barang perhiasan yang dipakai dan lain-lain lagi. Aturan-aturan yang sama ditetapkan juga kepada orang lain, seperti kepada kaum lelaki dan kaum wanita, dan juga ketetapan-ketetapan untuk harta pusaka, harta syarikat, waris, dan pelbagai perkara lagi.

Penetapan adat dan sejarah Minangkabau terhimpun dalam Tambo Minangkabau. Ia adalah hasil karya sastera berbentuk historiografi. Pada asalnya berbentuk lisan tetapi kemudian dikumpulkan dalam bentuk tulisan. Adat itu sendiri terdiri dari empat perkara, iaitu:

- a. Adat yang sebenar-benarnya Adat.
- b. Adat yang Diadatkan.
- c. Adat yang Teradat, dan
- d. Adat Istiadat.

Adat-adat ini diamalkan dari satu masa ke satu masa. Dalam masa perjalanan sejarahnya yang panjang itu, ada hal-hal yang disesuaikan mengikut perkembangan zaman. Unsur-unsur adat diperbaiki dari semasa ke semasa. Ini sesuai dengan kata kata adat:

Ibu adat ialah mufakat,  
Usang-usang diperbaharui,  
Yang lapuk disokong,  
Yang elok dipakai,  
Yang buruk dibuang,  
Melihat contoh pada yang lampau,  
Melihat tuah pada yang menang,  
Yang senteng dilabuhkan,

Yang panjang dikerat,  
Yang rumpang disisit.

(Norhalim Ibrahim, 1994: 69)

Adat berasal dari zaman dahulu kala, kemudian ia menerima unsur-unsur Hindu-Buddha apabila pengaruh agama itu datang ke daerah Minangkabau. Dan apabila datang Islam dan meresap ke dalam Adat Alam Minangkabau, unsur Islam pula dimasukkan dan disatukan ke dalamnya sekali. Ini dapat dilihat dari pepatah berikut:

Adat bersendi syara'  
Syara' bersendi Kitabullah  
Syara' mengata adat memakai  
Gantang di Bodi Caniago  
Cupak di Koto rang Piliang  
Adat memakai syara' mengata  
Wujud satu berlainan jalan.

Peresapan tidak berlaku secara mendadak, melainkan berperingkat-peringkat. Sebab itu pada awalnya dipakai pepatah: Adat bersendi syara'-Syara' bersendi adat. Tetapi selepas musyawarat Bukit Maralam pada zaman Paderi baru timbul pepatah: Adat bersendi syara'-Syara' bersendi Kitabullah. Kemudian daripada itu apabila pelaksanaan berjalan dan perjalanannya berkembang maka timbul pepatah-pepatah yang lain, seperti:

Syara' yang mengata, adat yang memakai.  
Syara' bertelanjang, adat bersamping.  
Adat yang kawi, syara' yang lazim.

(Hamka, 1984: 138)

Isi dan peraturan adat ini disusun begitu rupa dalam bentuk bahasa yang sangat indah, dalam bentuk pepatah-petitih, mamang, bidal, gurindam, dan pantun; kebanyakannya dalam bentuk bahasa berkias. Contoh-contohnya adalah sebagai berikut:

- a. Elok nagari dek penghulu  
Elok Musajiek dek tuangku  
Elok tapian dek nan mudo

- Elok kampuang dek nan tuo  
Penghulu sabuah hukum  
Ulama samo kitab  
Urang tuo saundang-undang.
- b. Ramo-ramo si kumbang janti  
Katik endah pulang bakudo  
Patah tumbuah hilang baganti  
Pusako famo baitu juo.
- c. Mancari nan tasambunyi jo siasek  
Manyatokan hak jo bainah  
Mancari limbago jo umpamo  
Manyatukan limbago dengan rapek  
Mancari hukum jo alat  
Manjatuhkan hukum jo mufakat.
- d. Urang gadih mangarek kuku  
Dikarek pisau sirawik  
Pangarek batuang tuonyo  
Batuang tuo ambiak ka lantai  
Nagari ba kaampepek suku  
Dalam suku babuah paruik  
Kampuang ado tuonyo  
Rumah dibari batungganai.
- e. Kaluak paku kacang balimbiang  
Tampuruang lenggang lenggokkan  
Baok manurun ka saruaso  
Tanamlah sirieh jo ureknyo  
Anak dipangku kamanakan dibimbiang  
Urang kampuang dipatenggangkan  
Tenggang nagari jan binaso  
Tenggang sarato jo adatnya.
- (H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu, 1984C)

Demikianlah serba sedikit tentang masyarakat Minangkabau, sejarah dan adatnya, yaitu adat yang sebenar-benar adat, adat yang



diadakan, adat yang teradat, dan adat istiadat, serta hasil karya sas-teranya untuk mengabadikan tambo serta yang lain-lain. Kesemuanya ini berkembang dalam daerah dan di alam Minangkabau. Tetapi apabila penduduknya bertambah banyak, pengalaman bertambah luas, pemikir-an baru bermunculan, maka keluarlah sebahagian anak-anak muda Mi-nangkabau, secara sedikit demi sedikit tetapi berterusan, dari daerah induk, iaitu luhak masing-masing menuju kawasan baru, ke dunia baru, bagi mencari nafkah hidup dan pengalaman, apalagi dalam budaya Mi-nangkabau wujud institusi merantau. Yang kata-katanya telah tersusun dengan indah dan berbunyi:

Keratau madang di hulu  
Babuah babungo balun  
Merantau bujang dahulu  
Di rumah baguno balun.

(Norhalim Ibrahim, 1995)

#### **Perpindahan Orang Minangkabau ke Semenanjung Tanah Melayu**

Sejak bilakah orang-orang Minangkabau berhijrah ke Tanah Semen-anjung Melayu tidak dapat dipastikan. Ada pengkaji yang mengatakan per-pindahan itu sudah berlaku sejak zaman dahulu lagi, iaitu sejak zaman Sang Nila Utama berpindah ke Temasik yang sekarang ini terkenal de-ngan nama Singapura (Marsden dikutip oleh Norhalim Ibrahim, 1995: 44). Pada zaman kerajaan Melayu Melaka telah ada pertempatan orang-orang Minangkabau di Kelang, Linggi, Rembau, Naning, Muar, dan di kota Melaka sendiri. Dari sumber-sumber Belanda terdapat maklumat bahwa orang-orang Minangkabau telah ada di beberapa pertempatan seperti di Kelang, Sungai Ujong, Naning, Rembau, Jelai, Hulu Pahang, Jelebu, Johol, dan Segamat (Khoo Kay Kim, 1990: 1).

Orang-orang Minangkabau yang berpindah ini kebanyakannya berasal dari daerah rantau Minangkabau, iaitu di kawasan sebelah timur Bukit Barisan seperti Hulu Sungai Batanghari (Rantau Tujuh Koto, Su-ngai Kunyik, Talao dan Rantau Tigo Cati), hulu Sungai Inderagiri (Rantau Kuantan dan Rantau Empat Belas Kota) dan hulu Sungai Kampar (Ran-tau Kampar) (Norhalim Ibrahim, 1995:49) dan kemudian ke Siak, Inderagiri Hilir, Kuantan Hilir, Kampar Hilir, Rokan, dan lain-lain. Dari Siak mereka menyeberangi Selat Melaka, lantas ke Kelang, Kuala Linggi dan Melaka. Dari Kuala Linggi, mereka kemudian memudiki sungai menuju ke hulu,

iaitu ke Rembau, Penajis, Rasah, Sungai Ujong, Kota, Pedas, dan lain-lain hingga ke daerah pedalaman seperti Kuala Pilah, Johol, Jelebu, Tampin hingga ke daerah Sempadan negeri Pahang dan Selangor serta Johor.

Mereka ini telah meneroka tanah untuk kawasan tempat tinggal (mendirikan teratak) dan membuka sawah ladang untuk kegiatan pertanian mereka dan yang lain-lainnya berdagang dan berniaga. Tradisi yang ada di tanah asal dibawa ke tempat yang baru ini, iaitu dari segi adat resam, adat istiadat, adat kebiasaan, sistem kekeluargaan, sistem sosial dan juga bahasa, sastera, dan lain-lain. Mereka juga membawa bersama adat bersuku, menjaga tanah pusaka, sistem pentadbiran, dan seumpamanya. Pendek kata, orang-orang Minangkabau yang merantau ini membawa sekali sistem Adat Perpatihnya. Walaupun begitu mereka menghormati Raja Melayu yang memerintah (pada masa itu) di tanah seberang ini, iaitu Sultan Johor yang menjadi penerus kepada Kerajaan Melayu Melaka yang telah dikalahkan oleh Portugis pada tahun 1511 M. Ini sesuai dengan slogan hidup mereka:

Beraja ke Johor  
Bertali ke Siak  
Bertuan ke Minangkabau  
(Abdul Samad Idris, 1970: 25)

Begitu juga mereka mempertahankan keahlian suku mereka -dari ruang, perut lembaga, hingga ke suku, luak, dan sebagainya. Mereka juga mengamalkan keahlian secara dikedimkan, iaitu Kedim Adat dan Kedim Adat dan Pusaka. Namun demikian ada hal-hal yang diubahsuai untuk keserasian tempat yang baru ini. Sebagai contoh mereka melantik ketua mereka yang bernama undang, dan undang ini yang melantik Yang Dipertuan Besar. Satu adat yang tidak ada di tempat asal. Selain itu sukunya bukan lagi empat seperti di tempat tanah asal, iaitu Koto, Piliang, Bodi, dan caniago, tetapi dua belas suku, iaitu: Biduanda; Payakumbuh; Mungkai; Tiga nenek; Tanah Datar; Sri Melenggang; Sri Lemak; Batu Hampar; Batu Belang; Anak Melaka; Anak Aceh dan ; Tiga Batu (Ibrahim Abdullah, 1990: 55)

Nama-nama sebahagian suku ini adalah daripada nama tempat asal mereka, iaitu kampung halaman mereka yang asal seperti nama-nama Payakumbuh, Tanah Datar, dan Batu Hampar. Suku Biduanda

yang tersebut di atas itu mempunyai kedudukan yang sangat istimewa. Ini disebabkan penganut-penganut Adat Perpatih menganggap suku Biduanda sebagai suku yang sesungguhnya merupakan orang asal Negeri Sembilan (Abdullah Siddik, 1975:123) sedangkan yang lain adalah pendatang dari tanah seberang, iaitu dari rantau Minangkabau.

Setelah kedatangan orang Minangkabau yang asal, datang pula orang-orang Minangkabau dari generasi yang kemudian. Dengan itu, keturunan orang Minangkabau bukan sahaja terdapat di Negeri Sembilan tetapi juga di tempat-tempat lain. Sungguhpun demikian amalan dan pelaksanaan Adat Perpatih hanya terdapat di Negeri Sembilan sahaja (tidak termasuk daerah Port Dickson) dan daerah Naning di Negeri Melaka. Daerah dan negeri-negeri lain memakai Adat Temenggung.


### **Kedatangan Raja-raja Negeri Sembilan**

Pada abad ke-18 M, kedudukan Sultan Johor agak lemah kerana mendapat serangan dan tekanan daripada pelbagai pihak seperti penjajah Barat dan juga negeri-negeri yang bermusuhan dengannya. Ini menyebabkan daerah-daerah di Negeri Sembilan kurang mendapat perhatian daripada Sultan Johor. Oleh itu Datuk-Datuk Undang Negeri Sembilan telah pergi menghadap Sultan Johor untuk memaklumkan kepada baginda tentang masalah-masalah yang mereka hadapi. Daripada perbincangan antara dua pihak ini Sultan Johor mengizinkan agar dicari seorang raja atau sultan dari tanah Minangkabau (Abdul Samad Idris, 1970:22), iaitu daripada kalangan kerabat diraja Pagaruyung. Sejarahanya agak bersimpang siur di sini. Namun yang banyak diperkatakan dan dipercayai oleh banyak pihak adalah raja Mahmud, anak raja Minangkabau telah dihantar ke Negeri Sembilan untuk menjadi raja di situ. Baginda adalah anakanda Sultan Abdul Jalil dari Minangkabau. Baginda ini kemudiannya dipanggil dengan sebutan Raja Malewar. Kedatangannya adalah melalui dan singgah di beberapa tempat seperti Siak Seri Inderapura, Johor, Melaka dan beberapa tempat lain, dan kemudian baru pindah ke Negeri Sembilan. Baginda adalah raja yang pertama bagi Negeri Sembilan dengan gelaran Sultan Mahmud Syah Ibni al-Sultan Abdul Jalil Muadzam Syah. Selepas baginda mangkat tempat baginda digantikan oleh Raja Hitam yang didatangkan dari Minangkabau juga. Raja Negeri Sembilan yang terakhir yang didatangkan dari Minangkabau ialah Raja Lenggang Laut yang memerintah pada 1808 hingga 1824 M. Mulai daripada Raja Hitam gelaran raja bagi Negeri Sembilan ialah Yang Dipertuan Besar. Raja-

Raja Negeri Sembilan yang dilantik di sini adalah diangkat oleh pemegang Adat dan Undang yang lahir di Negeri Sembilan. Tradisi itu berjalan terus sehingga ke hari ini. Perlu juga dimaklumkan di sini bahwa DYMM Tuanku Abdul Rahman ibni al-Marhum Tuanku Muhammad, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan kedelapan adalah juga Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung Malaysia pertama.

### **Hubungan Bahasa Melayu dengan Bahasa Minangkabau**

Bahasa Melayu dan bahasa Minangkabau adalah daripada satu rumpun bahasa yang sama, iaitu rumpun bahasa Melayu-Polinesia atau sekarang ini lebih dikenali sebagai rumpun bahasa Austronesia. Kalau mengikut kiraan leksikostatistik Isidore Dyen, yang dianalisis secara terinci oleh Bernd Nothofer (1988: 34) pecahan bahasa itu adalah seperti rajah berikut:



Daripada rajah di atas ini kita dapat petunjuk yang jelas tentang peripatannya hubungan antara bahasa Melayu dengan bahasa Minangkabau dan Kerinci. Ia baru terpisah pada zaman yang kemudian. Tidak seperti bahasa Jawa, Sunda, Madura, Aceh, atau Lampung yang sudah terpisah lebih awal.

Dengan adanya hubungan sejarah seperti yang telah dinyatakan di atas, antara tanah Melayu dengan Negeri Sembilan, hubungan yang

terpisah itu menjadi rapat kembali. Ini termasuk hubungan bahasa, terutama sekali antara dialek Melayu Negeri Sembilan dengan bahasa Minangkabau. Ini dapat diperhatikan dari sudut peribahasa, perumpamaan, bidalan, pepatah-petitih, perbilangan, seni kata lagu, dan kosa kata yang dipakai dalam bahasa Melayu seperti berikut:

- a. Tak lekang dek paneh, tak lapuk dek hujan.
- b. Hati kuman sama dipecah,
- c. Sehalaman sepermainan,  
Seperigi sepemandian,  
Segayung seperigian,  
Sejamban seperulangan.
- d. Duduk berpelepasan  
Dekat rumah dekat kampung  
Boleh minta meminta  
Sakit pening jenguk menjenguk  
(Mohd. Yusof Md. Nor, 1996: 409)
- a. Yang jauh berpanggilan  
Yang dekat berimbauan  
Yang jauh sudah datang  
Yang dekat sudah tiba  
Bersuku berwaris  
  
Jauh pun ada, dekat pun ada  
Jika jauh didengar-dengarkan  
Jika dekat dipandang-pandangan.  
(Dharmawijaya, 1996: 396-397)
- b. Raja bernobat di dalam alam  
Penghulu bernobat di dalam luak  
Lembaga bernobat didalam lingkungannya  
Bapak bernobat kepada anak buah  
Orang banyak bernobat di dalam terataknya

- c. Raja sekeadilan  
Penghulu seundang  
Tali pengikat dari lembaga  
Penyandang dari undang  
Pedang pemancung dari keadilan
  
- d. Malu tidak boleh diagiah  
Suku tak boleh dianjak  
Melompat sama patah  
Menyerudup sama bongkok  
Jalan sedundun  
Selenggang seayun  
(Dharmawijaya, 1994: 396-397)
  
- e. Air yang jernih  
Tempurung yang ceper  
Seperti pohon di tengah padang  
Uratnya tempat bersila  
Batangnya tempat bersandar  
Dahannya tempat bergantung  
Buahnya untuk dimakan  
Daunnya untuk berlingung.
  
- f. Ke kanan jalan ke Kurai  
Satu simpang ke empat angkat  
Kalau benar penghulu bagaikan lantai  
Kalau berpijak jangan menjungkit  
Teluk biasa timbunan kapal  
Lurah biasa timbunan air  
Bukit biasa timbunan kabut  
Pemimpin biasa mendapat umpat  
(Mohd. Yusof Md. Nor, 1994: 406-407).

Lagu-lagu Minang dengan seni katanya yang indah-indah yang dipopularkan oleh Ernie Djohan, Titiik Puspa, Elly Kasim, Oeslan Hussein, Hasnar Tahar, dan lain-lain, sangat popular di Malaysia dari dahulu hingga sekarang; seperti lagu-lagu Takana Jo kampuang, Teluk Bayur, Ayam Den Lapeh, Kudaku Lari, dan lain-lain. Demikian juga dengan lagu-

lagu March yang digubah oleh Saiful Bahri yang pernah menetap lama di Malaysia.

Dalam Kamus Dewan kamus baku bahasa Melayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia terdapat beberapa ratus perkataan yang dipinjam daripada bahasa Minangkabau. Contohnya ialah kata-kata berikut:

Acak, acung, agan, agut, ajak, ajan, ajek, ajun, akuk, alak, alat, alir, ambak, ambal, ambau, ambur, ampu, ampuh, amuh, ancak, andam, andan, andiko, andilau, ang, anghah, anggan, anggung, angkuh, anja, anju, antap, apar, arah, arai, arang, arun, asa, asin, asung, atak, atur, awai, dan lain-lain. Ini baru abjad/alfabet a sahaja, belum lagi dengan abjad-abjad yang lain.

### **Pengaruh Pembaharuan Fahaman Keagamaan**

Pada awal abad ke-19 M telah kembali ke tanah Minangkabau tiga orang ulama yang tamat pengajian agama dari Asia Barat. Mereka ini, iaitu Haji Miskin Pandai Sikat, Haji Abdul Rahman Piobang, dan Haji Muhammad Arif Lintau, telah membawa fahaman baru, iaitu fahaman wahabi sehingga timbul revolusi pemikiran dan seterusnya revolusi masyarakat di tanah Minangkabau. Puncaknya ialah teretusnya konflik yang seru dalam masyarakat Minang, iaitu antara kaum agama dan kaum adat yang kemudian diambil kesempatan oleh penjajah Belanda sehingga timbul Perang Paderi (1821-1837 M) yang banyak memakan korban (Dobbin, 1983). Akibat daripadanya ada beberapa pihak yang berhijrah ke tempat-tempat lain seperti ke Medan Deli, ke Jawa, dan tidak ketinggalan yang berhijrah ke tanah Melayu, di tempat-tempat yang telah sedia ada anak-anak Minang yang telah lama menetap. Selain itu ada yang pergi ke Asia Barat – Makkah, Madinah, dan Mesir – untuk mendalami pengetahuan agamanya di sana. Di kalangan mereka ini lahir anak-anak Minang yang terbilang. Salah satunya ialah Syekh Ahmad Khatib al-Minangkabawi (1860-1916 M) yang tinggal di Makkah. Syeikh yang alim ini banyak mencetak ulama-ulama yang ternama seperti Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin (1869-1956), saudara sepupunya sendiri sebelah ibu. Syeikh Tahir adalah anak Minang jati yang lahir di Bukittinggi tetapi sekembalinya ke tanah air beliau telah berhijrah ke tanah Melayu. Beliau telah bekerja di Negeri Johor Darul Takzim, Singapura, dan Negeri Perak Darul Ridzun. Syeikh Tahir bersama-sama dengan Syed Syeikh bin Ahmad al-Hadi (1867-1934 M) dan Syeikh Muhammad Salim Al kalali

telah terbitkan majalah berfahaman moden – kaum muda, di Singapura, iaitu majalah *al-Imam* pada tahun 1906. Pengaruh Syeikh Tahir dan majalah *al-Imam* yang meniru terbitan majalah *al-Urwatul Wuthqa* dan *Al-Manar* di Mesir (di bawah asuhan Syeikh Muhammad Abduh dan Syed Muhammad Rasyid Rida) begitu kuat di Sumatera Barat. Fikiran moden yang dicetuskan oleh Syeikh Thair dari tanah Melayu dan tulisan-tulisan bernas yang tersiar dalam *al-Imam* terbitan Singapura, selain *al-Manar* terbitan di Mesir mempengaruhi pemikiran banyak ulama di Sumatera Barat. Antaranya ialah empat serangkai ulama kaum muda Sumatera Barat, iaitu Syeikh Muhammad Jamil Jambek (1862-1947 M), Syeikh Muhammad Taib Omar; Syeikh Abdul Karim Amrullah (1879-1945 M), dan Syeikh Abdullah Ahmad. Natijah daripadanya terbitlah majalah *al-Munir* di Padang di bawah asuhan Syeikh Abdullah Ahmad pada tahun 1911. Gerakan kaum muda ini merebak di pelbagai tempat di Sumatera Barat. Daripada kalangan mereka lahirah ulama-ulama muda di kalangan kaum muda ini. Kedudukannya bertambah kukuh apabila cabang pergerakan Muhammadiyah yang berpusat di Jawa mula ditumbuhkan di Sumatera Barat dalam tahun 1925. Hasil daripada perjuangan golongan pembaharu ini lahirah sekolah-sekolah agama yang terkenal seperti Kulliyatul-Muballighin dan sekolah Adabiyah.

Pemikiran-pemikiran Syeikh Tahir yang terkenal di Sumatera Barat tidak diterima oleh kebanyakan ulama di tanah Melayu. Beliau hanya dikagumi dari sudut ilmu falaknya, kerana Syeikh Tahir adalah seorang ahli falak yang terkenal. Oleh sebab itu di ujung nama beliau seringkali ditambahkan dengan kata-kata *al-Azhari al-falaki*, yang bermaksud seorang graduat dari Universiti al-Azhar, dan seorang ahli falak. Polemik tentang pemahaman agama antara kaum tua dan kaum muda yang berlaku di tanah Semenanjung terus berlaku hingga selepas Perang Dunia II. Perbedaan pendapat kebanyakannya berkisar pada masalah "khalafiyah" dan fahaman terhadap ajaran mazhab-mazhab fiqh serta pandangan tentang hal-hal yang berlaku dan yang berkaitan dengan perkembangan zaman moden dan cabaran-cabarannya.

Selepas Perang Dunia II terdapat dua orang cendekiawan Minang yang menonjol pemikiran dan pemahamannya di kalangan orang Melayu Malaya, iaitu Mohammad Natsir dan Hamka. Mohammad Natsir (1908-1993 M), Perdana Menteri Negara Kesatuan Republik Indonesia yang pertama yang dikagumi kerana pemikiran-pemikirannya yang bernas tentang agama dan politik. Banyak tulisannya yang tersiar dalam akhbar dan



majalah di Malaysia dan Singapura dalam tahun-tahun 50-an seperti dalam *Utusan Melayu*, *Utusan zaman*, *Akhbar Semenanjung*, *Warta*, *Majalah Qalam*, dan lain-lain. Buku beliau yang banyak dibaca adalah *Capita Selecta*, dan pada zaman yang kemudian ialah *Fiqhud-Dawah*, iaitu buku tentang pedoman berdakwah. Oleh sebab itu, apabila Natsir terlibat dalam PRRI (Pemerintah Revolusioner Republik Indonesia) yang ditubuhkan di Padang pada 15 Februari 1958 oleh Let. Kolonel Ahmad Hussein dan Sjafruddin Prawiranegara, maka terdapat banyak orang Melayu yang bersimpati dengannya. Bahkan salah seorang pimpinan PRRI, iaitu Prof. Dr. Soemitro Djojohadikusumo dan keluarganya termasuk anaknya Let. Jen (P) Prabowo Subianto pernah tinggal menetap di Malaysia tanpa gangguan. Ini boleh kita baca dalam berita-berita yang tersiar dalam akhbar *Semenanjung*, *Warta*, dan majalah *Qalam* yang terbit di Singapura pada masa itu.

Hamka atau nama penuhnya Haji Abdul Malik Karim Amrullah (1908-1981 M), lebih dikenali di Malaysia dibandingkan Pak Natsir. Ini disebabkan Buya Hamka sering datang ke Malaysia pada tahun-tahun 50-an, 60-an, dan 70-an (kecuali ketika beliau ditahan oleh pemerintah Orde Lama). Selain itu beliau cukup menonjol dari sudut fahaman agamanya, dan tulisan-tulisannya yang lain tentang falsafah, sejarah, kebudayaan, dan kesusasteraan. Buku-buku dan tulisan-tulisan Pak Hamka banyak diterbitkan dan dicetak ulang di Malaysia dan Singapura seperti oleh Pustaka Antara Kuala Lumpur, Qalam Press, Singapura, Persama Press, Pulau Pinang, dan lain-lain. Antara buku-buku beliau yang dicetak di Malaysia-Singapura atau yang diimport dari Indonesia dan disebarkan di Malaysia-Singapura ialah *Falsafah Hidup*, *Tasauf Moden*, *Kenang-kenangan Hidup*, *Peribadi*, *Sejarah Umat Islam*, *Perkembangan Tasauf dari Abad ke Abad*, *Tafsir al-Azhar*, *Soal-Jawab Agama*, dan *Ajahku*.

Pemikiran-pemikiran dan fahaman yang dibawa oleh Mohammad Natsir dan Buya Hamka masih tetap diminati di Malaysia sampai ke saat ini. Oleh sebab itu telah diadakan beberapa kali seminar yang khusus membicarakan tentang pemikiran-pemikiran Natsir dan Hamka di Malaysia. Antara badan yang kuat meminati fikiran-fikiran Natsir dan Hamka ialah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang banyak membantu pembangunan Pondok Pesantren Prof. Dr. Hamka di Maninjau. Bahkan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia turut juga memberikan sumbangan kepada Pondok Pesantren Prof. Dr. Hamka dengan melatih tenaga pelajarnya dalam bidang bahasa Inggris dan

perkomputeran pada tahun lalu. Selain itu tulisan-tulisan keagamaan oleh cendekiawan Minangkabau yang lain pun diminati seperti Agoes Salim, K.H. Isa Anshari Muhammad, A.R. Sutan Mansur, Ahmad Syafi'i Ma'arif, K.H. Siradjuddin Abbas, dan Prof. Dr. Mahmud Yunus.

### **Pengaruh Hasil Karya Kesusasteraan dan Bahasa**

Jika dahulu Negeri Sembilan banyak dipengaruhi oleh bahasa Minangkabau dan hasil karya sastra klasiknya juga banyak yang meniru hasil karya klasik Minangkabau khususnya dalam bentuk perbilangan, gurindam, dan mamang, maka pada zaman moden ini terdapat juga hasil-hasil karya kesusasteraan yang dihasilkan oleh anak-anak Minangkabau yang tersebar dalam masyarakat Malaysia, demikian juga tulisan-tulisan tentang bahasa. Antara para ilmuwan dan penulis bahasa dan sastra dari tanah Minangkabau ialah Sutan Takdir Alisjahbana, Idrus, Marah Roesli, Abdoei Moelis, Hamka, Bachtiar Djamily, Noer Soetan Iskandar, Taufiq Ismail, Rustam Effendi, A.A. Navis, Mokhtar Lubis, dan Rosihan Anwar.

Tulisan-tulisan S. Takdir Alisjahbana telah banyak sampai ke tanah Melayu dari sejak zaman Poedjangga Baroe pada masa sebelum Perang Dunia II sehinggalah ke zaman selepas perang. Antara hasil-hasil karyanya yang banyak dibaca ialah *Layar Berkembang*, *Tebaran Mega*, *Puisi Lama*, *Puisi Baru*, *Sejarah Perjuangan dan Pertumbuhan Indonesia*, dan *Tatabahasa Baru Bahasa Indonesia* jilid I dan II. Mulai tahun 1963 pengaruh pemikiran S. Takdir Alisjahbana semakin menyertah dari segi kebahasaan dan falsafah. Ini disebabkan dari tahun 1963 hingga 1968 beliau telah dilantik sebagai Profesor Bahasa Melayu untuk menge-tuai Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, satu-satunya universiti yang ada di Malaysia ketika itu. Buku tatabahasa beliau –*Tatabahasa Baharu Bahasa Melayu-Indonesia*– telah dijadikan sebagai buku wajib bagi para pelajar Jabatan Pengajian Melayu. Oleh itu pendekatan beliau tentang bahasa cukup kuat mempengaruhi mahasiswanya, sehingga ada di antara mereka yang mengajarkan tatabahasa Melayu mengikut acuan tatabahasa Melayu yang disusun oleh S. Takdir Alisjahbana. Hukum D-M yang beliau perkenalkan itu cukup popular hingga sekarang. Selain itu pemikiran-pemikiran dan tulisan-tulisan Takdir mengenai perancangan bahasa dan falsafah nilai juga diperkatakan oleh para ilmuwan Melayu. Antara tulisan-tulisan beliau dalam lapangan ini ialah *The Modernisation of Indonesian and Malay Languages, Values as Integrating Forces in*

*Personality, Society and Culture, The Modernization of Asian Languages, dan Revolusi Masyarakat dan Kebudayaan di Indonesia.*

Idrus atau nama penanya Abdullah Idrus (1921-1979) adalah anak Minang yang pernah tinggal bermastautin di Malaysia selepas Malaya merdeka dan semasa zaman konfrontasi Indonesia terhadap penubuhan Malaysia. Tulisan-tulisannya dalam bentuk cerpen dan novel banyak dibaca di Malaysia seperti *Surabaja, Dari Ave Maria ke Jalan Lain ke Roma, Amarah, Perempuan dan Kebangsaan, Dengan mata Terbuka*, dan lain-lain.

Novel-novel *Siti Nurbaya, Salah Pilih, dan Salah Asuhan* yang dikarang oleh anak-anak Minang banyak dibaca di Malaysia. Bahkan ada di antara buku-buku itu yang menjadi bahan bacaan wajib di sekolah-sekolah di Malaysia. Dalam perkara ini novel-novel Pak Hamka juga ikut terkenal di Malaysia seperti *Di Bawah Lindungan Ka'bah, Tenggelamnya Kapal van der Wijck, dan Merantau ke Deli*. Jadi kepopuleran Pak Hamka bukan setakat kealimannya di bidang agama tetapi juga kerana hasil-karya sastranya dan juga buku-buku falsafah, kebudayaan, sejarah, dan kesusasteraan.

Bachtiar Djamily (1929-?) adalah anak Minang yang telah menetap di Malaysia sebanyak dua kali, iaitu 1948-1955 dan 1976 hingga tahun 80-an. Beliau telah menjadi wartawan di Malaysia. Selain itu beliau banyak menulis novel yang berlatar belakang tanah Melayu serta tulisan-tulisan tentang biografi pemimpin dan masalah politik di Malaysia seperti *Bertapa di Gunung Ledang, Nik Teh: Janda Muda dari Kelantan, Terpikat di Perak, Menyorot A. Samad Ismail, Bagaimana Melawan Subversif Komunis, Bagaimana UMNO Melintasi Krisis, dan Kenapa Pas Boleh Jadi pas.*

### **Pengaruh Pendidikan Agama**

Dalam tahun dua puluhan dan tiga puluhan telah didirikan beberapa buah sekolah agama di Sumatera Barat. Antaranya ialah Tawallib School, Sekolah Diniyah Putri, Kolej Kulliatul-Muallimin-al-Islamiyah, Sekolah Umum Adabiyah, dan lain-lain; dan sekolah ini sangat terkenal kerana dikendalikan oleh para ulama kaum muda yang berkaliber seperti Rahmah El-Yunusiyah, Zainudin Labay El-Yunusy, Syeikh Ibrahim Musa Parabek, dan lain-lain; termasuk empat serangkai ulama kaum muda Minangkabau yang telah disebutkan di awal tadi.

Berita-berita tentang keunggulan sekolah-sekolah tersebut di atas telah sampai ke tanah Melayu. Oleh itu ada di antara ibubapa-ibubapa yang tertarik dan lantas menghantar anak-anak mereka belajar dan mengaji ke Sumatera Barat. Antara mereka yang belajar ke Sumatera Barat ialah Keris Mas (1922-1992), Aishah Ghani (1924-?), dan Shamsiah Sutan Fakih (1922-?).

Keris Mas atau nama penuhnya Kamaluddin bin Muhammad lahir di Pahang Darul Makmur. Beliau telah memasuki Tawallib School dan kemudian di Kolej Kulliatul-Muallimin-al-Islamiah di Sumatera Barat. Setelah tamat beliau kembali ke tanah air. Beliau adalah seorang penulis yang terkenal. Bakatnya diasuh semasa menuntut di Sumatera Barat dan cerpen sulungnya terbit di Medan semasa beliau masih menjadi penuntut. Beliau cergas dalam politik Party Kebangsaan Melayu Malaya, kemudian dalam angkatan sastrawan '50 (ASAS '50) di Singapura, selepas itu kembali ke Malaya dan terakhir bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. Beliau telah mendapat anugerah Sasterawan Negara (SN) yang pertama daripada kerajaan Malaysia: satu anugerah tertinggi dalam dunia kesusasteraan yang diiktiraf oleh negara Malaysia. Selain itu beliau juga mendapat anugerah Pejuang Sastera, Sea Write Award daripada Raja Thailand dan Doktor Honoris Causa – Doktor Persuratan daripada Universiti Malaya.

Aishah Ghani (1924-?) adalah mantan menteri Kabinet Kerajaan Malaysia. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Diniyah Putri Padang Panjang dan kemudian di Maktab Perguruan Tinggi Islam di Padang. Sekembalinya ke tanah air, beliau mengajar di sekolah agama, tetapi kemudian beliau masuk dan cergas dalam persatuan, iaitu Kesatuan Melayu Muda dan Persatuan Anak Melayu Selangor. Beliau adalah salah seorang penggagas Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Kemudian beliau memasuki UMNO atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Dari situ, bintang beliau menanjak naik dari setingkat ke setingkat. Akhirnya beliau menjadi Ketua Wanita UMNO Malaysia dan menjadi menteri dalam Kabinet Persekutuan Malaysia selama beberapa tahun.

Shamsiah Sutan Fakih (1922-?) lahir di Negeri Sembilan. Setelah mendapat pendidikan di tanah Melayu beliau melanjutkan pengajiannya ke Sumatera Barat, iaitu Sekolah Diniyah Putri. Sekembalinya ke tanah air, beliau terus mengajar agama dan aktif dalam beberapa banyak persatuan wanita. Beliau adalah yang kemudian mengetuai Angkatan Wanita Sedar (AWAS) menggantikan Aishah Ghani. Oleh sebab beliau dikejar-

kejar oleh penjajah British maka beliau terpaksa masuk ke dalam hutan menganggotai Rejimen ke-10 Party Komunis Malaya bersama-sama dengan Musa Ahmad (Pengerusi Parti Komunis Malaya), Abdullah C.D. Rasyid Mydin, Abu Samah, Ibrahim Mohammad, dan lain-lain. Shamsiah pernah tinggal di Jakarta dan Beijing. Setelah Parti Komunis Malaya kalah Shamsiah pulang ke Malaysia. Sebenarnya masih terdapat beberapa banyak lagi orang Melayu yang ke tanah Minang, atau sebaliknya dari tanah seberang ini yang pergi ke Malaya semasa zaman penjajahan Belanda dan Inggris dahulu. Sebagian mereka ini membawa fahaman komunis di kalangan orang Melayu seperti Tan Malaka, Natar Zainuddin, Sultan Jenain, dan Mokhtaruddin Lasso. Orang yang terakhir ini pernah memimpin Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) dan Party Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).

### **Hubungan Minangkabau – Malaysia Masa Kini**

Hubungan antara Minangkabau dan Malaysia terjalin terus hingga ke masa kini, terutama sekali antara kerajaan Negeri Sembilan dengan Pemerintah Daerah Tingkat I Sumatera Barat. Kerajaan Pusat Malaysia juga tidak ketinggalan dalam perkara ini terutama sekali ketika Yang Berbahagia Datuk Seri Utama Tan Datuk Sri Datuk Sri Dr. Haji Abdul Samad Idris menjadi Menteri Kebudayaan, Belia, dan Sukan Malaysia. Banyak rombongan kebudayaan dan Sukan yang dianjurkan untuk melawat Sumatera Barat dan sebaliknya. Bahkan DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dengan rombongan melawat ke Pagaruyung untuk melihat sendiri tempat asal usul keturunan baginda. Begitu juga Kerajaan Negeri Sembilan pernah memberikan bantuan untuk sama-sama membina semula istana Pagaruyung. Selain itu kota Bukittinggi dengan Bandar Seremban diisytiharkan sebagai Bandar Kembar. Di kalangan orang biasa banyak yang hilir mudik antara tanah Minang dan tanah Semenanjung untuk menguruskan perniagaan dan lain-lain lagi. Bahkan sebelum timbul kegawatan ekonomi pada akhir tahun 1997, banyak anak-anak Minang yang sudah berhijrah ke Malaysia untuk mencari rezeki dengan berdagang atau menjadi buruh binaan, pembantu rumah, pekerja kilang, dan lain sebagainya. Pada masa kini kita boleh dapati banyak peniaga dan pedagang yang terdiri dari anak Minang di pasar-pasar malam terutama sekali di Kuala Lumpur dan Negeri Selangor.

### **Kesimpulan**

Setelah ditelusuri sejarah hubungan antara Melayu dengan Minangkabau dari sejak zaman kerajaan Melayu di Jambi pada abad ke-7 M. hingga ke masa sekarang kita dapati bahwa antara Melayu-Minang itu memang rapat hubungannya, kerana kedua-duanya memang berasal dari induk bangsa yang sama, iaitu Melayu di Jambi, kemudian kedua-duanya telah menuruti liku-liku sejarahnya masing-masing yang terpisah, namun kemudian mereka bercantum kembali tetapi dalam bentuk yang baru, yang berlainan sempadan negaranya dan terpisah dari segi pemerintahannya, tetapi tetap berhubungan dan bekerja sama antara satu dengan yang lain kerana ikatan yang kuat dan kukuh dari segi budaya, adat resam, adat istiadat, bahasa, dan agama. Apalagi Malaysia dan Indonesia adalah sama-sama menjadi negara anggota ASEAN; *Association of South East Asian Nations*.

### **DAFTAR PUSTAKA**

- Abdullah Siddik (1975) *Pengantar Undang-Undang adat di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- A. Samad bin Idris et. al. (1970) *Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dari Segi Sejarah dan Kebudayaan*, Seremban: Pustaka Asas Negeri.
- A. Samad bin Idris et. al. (1994) *Luak Tanah Mengandung*, Seremban: Jawatan Kuasa penyelidikan Budaya Muzium Negeri Sembilan.
- A. Samad bin Idris et. al. (1994) *Adat Merentas Zaman*, Seremban: Jawatankuasa penyelidikan Budaya Muzium Negeri Sembilan.
- A. Samad bin Idris et. al. (1994) *Luak Jelebu*, Seremban: Jawatankuasa penyelidikan Budaya Muzium Negeri Sembilan.
- Alisjahbana, Thani Nayagam & Wang Gungwu (1965) *The Cultural Problems of Malaysia in the Contexts of Southeast Asia*, Kuala Lumpur: Malaysia Society of Orientalists.

Amat Juhari Moain

- Asmah haji Omar (1988) *Susur Galur Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bambang Budi Utomo (1992) *Batanghari Riwayatmu Dulu dalam Seminar Sejarah Melayu Kuno*, Jambi: Pemda Tingkat I Jambi.
- Blust, R.A. & Collins, James T. (1986) *Penyusunan Salasilah Bahasa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil (1981) *Sejarah Negeri sembilan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Casparis, J.G. de (1992) *Malayu dan Adityawarman dalam Seminar Sejarah Melayu Kuno*, Jambi: Pemda Tingkat I Jambi.
- Dato'-dato' Lembaga Luak Johol (1996) *Luak Johol*, Seremban: Jawatankuasa penyelidikan Budaya Muzium Negeri Sembilan.
- Dharmawijaya (1994) *Perbilangan Adat Perpatih: Ditinjau dari Segi Keindahan bahasanya*, dalam A. Samad Idris et. al. (ed.) *Adat Merentas Zaman*, Seremban: Jawatankuasa penyelidikan Budaya Muzium Negeri Sembilan.
- Dobbin, Christine (1983) *Islamic Revivalism in Changing Peasant Economy Central Sumatra 1784-1847*, London: Curzon Press.
- Ensiklopedi Nasional Indonesia* (1997) Jil. 1-18, Jakarta: PT. Delta Pustaka.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1999) Jilid I – IV, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Emeis, M.G. (1973) *Bunga Rampai Melayu Kuno*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fachruddin Saudagar (1992) *Perkembangan Kerajaan Melayu Kuno di Jambi dalam Seminar Sejarah Melayu Kuno*, Jambi: Pemda Tingkat I Jambi.

- Gullick, J.M. (1969) *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, University of London.
- H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu (1986) *Pegangan Penghulu, Bundo Kandung, dan Pidato Alua Pasambahan Adat di Minangkabau*, Bandung: Remadja Karya.
- H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu (1984a) *Pokok-pokok Pengetahuan Adat Alam Minangkabau*, Bandung: Remadja Karya.
- H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu (1984b) *Rangkaian Mustika Adat Basandi Syarak di Minangkabau*, Bandung: Remadja Karya.
- H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu (1984c) *1000 Pepatah-petitih Mamang-Bidal, Pantun-Gurindam*, Bandung: Remadja Karya.
- Hamka (1981) *Dari Perbendaharaan Lama*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hamka (1984) *Islam dan Adat Minangkabau*, Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Ibrahim Abdullah (1990) *Struktur Suku di Rembau dalam Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang* oleh Norazit Selat (Ed.), Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- I. Dt. Sangguno Diradjo (1988) *Mustika Adat Alam Minangkabau*, Bukittinggi: Pustaka Indonesia.
- Kamus Dewan* (1992), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim (1972) *The Western Malay States (1850-1873)*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Loeb, Edwin M. (1989) *Sumatra Its History and People*, Oxford University Press.



- M. Sudarso Salih BCHK gelar Dt. Mudo Carano (1985) *Sejarah Ketatanegaraan Kerajaan Pagaruyung*, Purwokerto: pribumi Offset.
- Mees, C.A. (1967) *Ilmu perbandingan Bahasa-bahasa Austronesia*, Kuala Lumpur: university of Malaya Press & Oxford University Press.
- Miksic, John (1999) *Indonesian Heritage: Ancient History*, Singapore: Archipelago Press.
- M.M. Sukarto K. Atmodjo (1992) *Kontinuitas Kerajaan Melayu dan Sriwijaya serta Pertemuan Prasasti Boom Baru di Palembang dalam Seminar Sejarah Melayu Kuno*, Jambi: Pemda Tingkat I Jambi.
- Mohd. Thani Ahmad dan Zaini Mohammad Zain (1988) *Rekonstruksi dan Cabang-Cabang Bahasa Melayu Induk*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusof Md. Nor (1994) *Perlambangan dalam Perbilangan Adat Perpatih: Satu Pandangan Umum*, dalam A. Samad Idris et. al. (ed) *Adat Merentas Zaman*, Seremban: Jawatankuasa penyelidikan Budaya Muzium Negeri Sembilan.
- Moorhead, F.J. (1959) *A History of Malaya and Her Neighbours*, London: Longmans.
- Nadzan Haron (1997) *Pemilikan dan Pentadbiran Tanah Adat 1800-1980*, Seremban: Jawatankuasa penyelidikan Budaya Muzium Negeri Sembilan.
- Norhalim Ibrahim (1994) *Sistem Adat Masyarakat Negeri Sembilan* dalam A. Samad Idris et. al. (ed) *Adat Merentas Zaman*, Seremban: Jawatankuasa penyelidikan Budaya Muzium Negeri Sembilan.
- Norhalim Ibrahim (1995) *Negeri yang Sembilan*, Shah Alam: Fajar Bakri.

Norazit Selat (1990) *Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.

Nothofer, Bernd (1988) A Discussion of Two Austronesian Subgroups: Proto-Malay and Proto-Malayic dalam *Rekonstruksi dan Cabang-Cabang Bahasa Melayu Induk* oleh Mohd. Thani Ahmad dan Zaini Mohammad Zain (ed.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ricklefs, M.C. (2001) *A History of Modern Indonesia Since c.1200*, Third Edition, Hampshire: Palgrave.

S. Takdir Alisjahbana (1967) *The Modernization of Languages in Asia*, Kuala Lumpur: Malaysia Society of Asian Studies.

Schnitger, F.M. (1989) *Forgotten Kingdoms in Sumatra*, Singapore: Oxford University Press.

*Seminar Sejarah Melayu Kuno*, Jambi 7-8 Desember 1992, Jambi: Pemerintah Daerah Tingkat I Jambi.

Slamet Muljana (1981) *Kuntala, Sriwijaya, dan Suwarnabhumi*, Jakarta: Yayasan Idayu.

Tarling, Nicholas (1999) *The Cambridge History of Southeast Asia* Volumes I & II, Cambridge University Press.

Wolters, O.W. (1989) *Perdagangan Awal Indonesia: Satu Kajian Asal-Usul Kerajaan Srivijaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nota: ESKM = Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu.